

Hotel Avillion ceriakan penghuni Pusat Warga Tua Kenangan



KEE Nam, Agnes dan kakitangan Hotel Avillion bergambar bersama penghuni Pusat Warga Tua Kenangan, kelmarin.

Oleh AFLIEZA ARSHAD

BUKIT SERINDIT 16 Feb. - Setiap kali rakyat negara ini menyambut sesuatu perayaan, bantuan dan sumbangan kepada golongan yang memerlukan pasti dijalankan oleh pihak yang berhatimulia.

Tidak melupakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, rangkaian Hotel Avillion bersama 10 warga kerja turut menghulurkan bantuan kepada penghuni Pusat Warga Tua Kenangan.

Pengurus Besarnya, Low Kee Nam berkata, lawatan kebajikan itu sering dilakukan saban tahun terutama ketika sambutan perayaan terbesar.

"Ia merupakan sebahagian dari aktiviti kemasyarakatan yang telah dirancang sepanjang tahun ini di samping beberapa aktiviti khidmat masyarakat lain untuk membantu golongan kurang berkemampuan.

"Antara lain menyampaikan sumbangan berupa beras, minyak masak, biskut dan angpau kepada 18 penghuni di rumah kebajikan tersebut," katanya.

Kee Nam berkata demikian selepas men-

yampaikan sumbangan kepada Penyelia Pusat Warga Tua Kenangan Cawangan Bukit Serindit, Agnes Tay di pusat itu di sini, semalam.

Hadir sama Pengurus Pemasaran Hotel Avillion, Aisyah Arif dan Pengurus Sumber Manusia, Safura Abd. Aziz

Sementara itu, Agnes berkata, pihaknya terharu di atas sumbangan diterima kerana ianya dapat membantu meringankan beban pihak pengurusan mengendalikan rumah kebajikan ini dengan lebih baik.

"Saya lihat aktiviti ini sangat bermanfaat kerana dapat memberi keceriaan kepada warga emas yang rata-ratanya tidak lagi berupaya dan mengalami pelbagai masalah kesihatan.

"Kami juga mengalu-alukan sumbangan orang ramai sama ada dalam bentuk kewangan atau barangan untuk diberikan kepada golongan kurang bernasib baik seperti dilakukan oleh pihak Hotel Avillion ini," ujarnya.

Selain di Bukit Serindit, Pusat Warga Tua Kenangan juga mempunyai satu lagi cawangan di Taman Sin Hoe yang dihuni seramai 21 warga emas.

Melaka Hari Ini | 17th February 2016